



Belanjawan 2023: Istilah hubaya, kebhinekaan, purbasangka tarik perhatian

Oleh Ahmad Suhael Adnan - Februari 24, 2023 @ 7:33pm
ahmad.suhael@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pembentangan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat hari ini menarik perhatian apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim menggunakan istilah bahasa Melayu yang jarang didengar dan digunakan orang ramai.

Penggunaan perkataan luar kebiasaan itu sejak sekian lama menjadi identiti Anwar yang juga berkelulusan Sarjana Muda Pengajian Melayu pengkhususan Sastera di Universiti Malaya (UM).

Namun, penggunaan bahasa yang dilihat unik itu mula menarik perhatian umum selepas Ahli Parlimen Tambun itu dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10.

Dalam pembentangan di Parlimen hari ini, Anwar menggunakan beberapa perkataan sastera, yang menjadikan pembentangan belanjawan kali ini lebih unik berbanding kebiasaan.

Antara istilah yang digunakan Perdana Menteri termasuklah hubaya, kebhinekaan, purbasangka, ketimbang, menopang, bobrok, kegalauan dan tantangan.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), hubaya bermaksud awas atau berjaga-jaga, yang digunakan Anwar untuk mengingatkan semua pihak supaya tiada lagi pihak mengapi-apikan perbezaan kaum dan warna kulit di negara ini.

Kebhinekaan pula bermaksud beraneka atau kepelbagaian, berasal daripada perkataan bhineka yang tertera pada lambang negara Indonesia, Garuda Pancasila.

Perkataan purbasangka pula bermaksud prasangka, manakala ketimbang bererti berbanding dan kerap digunakan Anwar ketika membuat perbandingan dalam pembentangan Belanjawan 2023.

Istilah menopang pula merujuk pada perkataan menunjangi dan tantangan bermaksud cabaran, manakala bobrok yang kerap disebut Anwar dalam kebanyakan ceramah politiknya bermaksud rosak atau binasa.

Kegalauan pula bermaksud situasi kacau-bilau atau kekacauan, yang digunakan Anwar bagi merujuk kepada cabaran kemelesetan ekonomi yang dijangka dihadapi Malaysia.